



2020: The Lost Year For Education Report Launching Siaran Media

PETALING JAYA, Jan 25: Pertubuhan Sains, Teknologi, dan Inovasi (ASTI) secara rasminya melancarkan laporan berdasarkan tinjauan mengenai bagaimana pembelajaran dalam talian mempengaruhi kehidupan dan pembelajaran minda muda kini.

Tinjauan (Survey) ini memberikan gambaran sebab-sebab pembelajaran dalam talian pada tahun 2020 kurang berkesan, terutama di kalangan masyarakat yang rentan dan keluarga B40 di Malaysia. Seramai 120 orang guru, di lapan negeri dan Kuala Lumpur, mengambil bahagian dalam tinjauan ini yang dilakukan pada akhir tahun 2020. Guru-guru tersebut telah menjadi penyumbang dan peserta aktif dalam projek ASTI iaitu Science Fair for Young Children (SFYC). Tinjauan yang dijalankan secara dalam talian di kalangan guru-guru di sekolah kerajaan bandar dan luar bandar. Kebanyakan guru ini mengajar di kawasan luar bandar di mana kebanyakan pelajar berasal dari komuniti B40.

Antara masalah paling besar dalam senarai, adalah kekurangan peranti mudah alih dan akses internet untuk pelajar.

Pandemik Coronavirus-19 telah menyebabkan masalah serius di seluruh dunia, dan Malaysia tidak terkecuali. Beberapa sektor dapat bertahan, sementara yang lain hampir tidak dapat memenuhi keperluan atau berhenti sepenuhnya.

Pendidikan adalah sektor perkhidmatan penting yang tidak boleh dikompromikan. Meskipun dianggap dapat tahan kemelesetan ekonomi, tiada seorang pun daripada kalangan kita dapat membayangkan pandemik di seluruh dunia akan menyebabkan sekolah ditutup.

Dengan pandangan ke depan, ASTI telah memulakan tinjauan ini untuk mengetahui pendapat cikgu-cikgu kita, bagaimana kita dapat mengumpul dan memulakan semula platform pendidikan pada tahun 2021. Langkah pertama adalah untuk mengkaji semula sukatan pelajaran tahun sebelumnya pada tiga bulan pertama 2021. Langkah ini harus merangkumi kelas pemulihan untuk mereka yang memerlukannya; dan memastikan bahawa infrastruktur yang mencukupi untuk pembelajaran dalam talian disediakan untuk semua pelajar agar ianya berkesan.

ASTI berharap kita sebagai sebuah negara, dapat berganding bahu untuk membantu anak muda kita, yang memegang masa depan negara kita di tangan mereka. Oleh itu, marilah kita tumpukan perhatian kita terhadap masa depan kita, dengan menjadikan masa kini sebagai sesuatu masa yang bermakna.

Kami melampirkan ringkasan laporan dan anda juga boleh memuat turun laporan dari <https://www.asti.org.my/recoveryprojects/>

Untuk pertanyaan lebih lanjut, kami boleh dihubungi melalui e-mel di asti2510@gmail.com atau WhatsApp kami di 014-7124217.

ASTI adalah sebuah organisasi bukan kerajaan dan bukan berorientasikan keuntungan (NGO) yang berusaha untuk memperkasakan minat generasi muda dalam sains melalui aktiviti yang dilakukan di mana pembelajaran dapat dicapai dengan menemui prinsip saintifik itu sendiri. Untuk mencapai visi ini, ASTI telah mencuba dengan pelbagai projek dan berjaya mendapat daya tarikan seperti program Science Fair for Young Children (SFYC), Young Inventors Challenge (YIC), Creative, and Critical Thinking Camp (CCTC), dan yang lain. Setiap program ini saling berkaitan untuk menyediakan platform untuk penyertaan pelajar muda yang bersifat holistik dan inklusif. Sila rujuk laman web kami www.asti.org.my untuk maklumat lebih lanjut mengenai projek kami.